



LORONG di Nguyen Van Binh dipenuhi kedai-kedai buku untuk dijual kepada para pengunjung.

MAKANAN halal boleh didapati di Restoran D'Nyonya yang terletak di Dong Du.

PERCUTIANKU

Oleh SABARIAH MOHAMED SALLEH



Kosmo
25/8/16
ms 32-33

KAIN kapas, renda dan sutera, telekung serta kopi. Itu antara pesanan-pesanan yang diterima daripada ahli keluarga apabila mereka mengetahui saya akan berkursus di Ho Chi Minh, Vietnam selama dua minggu.

Keesokannya, sedang rakan-rakan membuat strategi untuk membeli-belah, saya pula menyusun atur jadual untuk memuatkan lawatan ke tempat-tempat menarik sekitar Ho Chi Minh dalam masa yang agak suntuk.

Setelah meneliti dan membuat sedikit penyelidikan, saya mengambil keputusan untuk menyertai jelajah berjalan kaki percuma atau *Free Walking Tour* di pusat bandar.

Tarikan monum

saya terpegun dan mengingatkan saya kepada kota romantik, Paris.

Chu, kemudiannya membawa saya ke monumen Ho Chi Minh yang terletak berdekatan Jalan Nguyen Hue. Menurutnya, Ho Chi Minh adalah

minggu.

Benarkah Ho Chi Minh syurga membeli-belah? Sebagai seseorang yang gemarkan pengembaraan, saya tercaricari perkara yang boleh dilakukan selain membeli-belah untuk mengisi masa senggang, terutamanya pada hujung minggu. Ternyata, Ho Chi Minh tidak mengecewakan.

Misi pertama sejurus daftar masuk hotel adalah mencari restoran halal. Berbekalkan beberapa alamat yang diperolehi daripada pencarian di internet dan peta online, saya mengorak langkah menuju ke Restoran D'Nyonya yang terletak di Dong Du.

Perjalanan menyusuri lorong-lorong dan jalan besar di Ho Chi Minh atau lebih dikenali dalam kalangan masyarakat tempatan sebagai Saigon ternyata mencabar.

Motosikal bergerak dari setiap penjuru dan pemanduan mereka amat berbeza. Bunyi hon umpama halwa telinga dan pejalan kaki harus bijak mengelak kenderaan yang berpusu-pusu ke destinasi masing-masing. Indahnyanya, dalam kecamukan trafik seolah-olah wujud undang-undang tersendiri yang difahami oleh setiap pengguna jalan raya.

Terpegun

Jelajah itu bermula dari pasar Ben Thanh. Di bawah pimpinan pelajar universiti bernama Chu, saya di bawa ke Pedestrian Walk yang terletak di tengah pusat bandar. Saya dapati, kaki lima di sekitar pusat bandar adalah besar, sekaligus memberikan ruang untuk pejalan kaki berjalan dengan selamat.

Pada pendapat saya, ia inovasi yang dibawa oleh Perancis semasa mereka menakluki Vietnam dari 1862 hingga 1945.

Jika dilihat, kebanyakan bangunan-bangunan di sekeliling Ho Chi Minh umpama bangunan di Eropah. Arkitekturnya, dari balkoni kecil bertingkap ala Perancis dan pepohon rendang yang memayungi hampir sepanjang kaki perjalanan hingga ke taman-taman bunga seperti Jardin des Tuileries, semuanya membuatkan

hero yang disanjung oleh rakyat Vietnam kerana usaha beliau untuk menyelamatkan Vietnam daripada penaklukan kuasa luar.

Seperkara yang menarik tentang jelajah itu adalah saya telah disajikan dengan sejarah Vietnam dan bebas untuk bertanyakan sebarang soalan kepada Chu yang dianggap sebagai pemandu pelancong peribadi saya.

Antara bangunan bersejarah yang dilawati sepanjang jelajah itu adalah Opera House, Gereja Notre Dame dan Pejabat Pos Besar.

Nama bangunan sudah memberikan bayangan bahawa gereja itu menyerupai gereja yang berkongsi nama yang sama di Paris. Namun, reka bentuk gereja itu adalah lebih bersih, tanpa elemen gothik seperti Gargoyle di sekeliling dinding di bahagian luar bangunan.



MONUMEN Ho Chi Minh yang terletak berdekatan dengan Jalan Nguyen Hue.

INFO

Sabariah Mohamed Salleh

Umur: 35 tahun
Asal: Petaling Jaya, Selangor
Pekerjaan: Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor
Negara pernah dilawati: Austria, Republik Czech, Hungary, Switzerland, Slovakia, Itali
Negara ingin dilawati: Jepun, Turki, New Zealand

OPERA House merupakan salah satu lokasi popular yang menjadi tumpuan pelancong.





ARTIFAK peninggalan perang yang terdapat di The War Remnants Museum.

en bersejarah Ho Chi Minh

Sementara itu, pejabat pos yang dibina antara tahun 1886 dan 1891 juga menjadi tempat tumpuan pelancong. Dibuka setiap hari, pelancong boleh membeli cenderamata selain melakukan urusan perbankan dan surat-menyurat di pejabat pos itu.

Ada sebuah lorong berdekatan dengan pejabat pos yang menjadi tarikan saya. Lorong di Nguyen Van Binh itu dipenuhi dengan deretan kedai buku.

Koleksi peribadi

Sebagai seorang ulat buku, saya mengambil peluang keemasan untuk itu untuk melihat buku-buku terbitan tempatan dan membeli buku cerita dongeng Vietnam bagi dijadikan koleksi peribadi.

Selepas itu, saya dibawa ke The War Remnants Museum. Harga masuk adalah 15,000 dong (lebih kurang RM3). Reka bentuk muzium adalah simplistik dan seolah-olah tidak menggambarkan khazanah ilmu yang terkandung di dalamnya.

Fokus muzium adalah tentang peperangan yang dilalui oleh Vietnam iaitu peperangan dengan Amerika. Gambar-gambar dan penerangan yang sangat deskriptif amat menyayat hati.

Di sini, saya memahami maksud sebenar imperialisme. Sebagai seorang sarjana dalam bidang pengajian media, konsep imperialisme yang sering saya

baca di dalam buku dan makalah lazimnya berkait rapat dengan produk budaya seperti muzik, komik, program televisyen serta lagu.

Namun, imperialisme berbentuk keganasan, pengeboman bahan biokimia, perbuatan membunuh kanak-kanak dan wanita mengandung nyata lebih menyentuh perasaan dan kini menghantui diri saya.


Seperkara yang boleh diambil iktibar ialah tentang perjuangan rakyat Vietnam. Meskipun hanya berbekalkan senjata yang dibuat daripada buluh dan bahan rampasan pihak lawan yang tumpas di tangan mereka, ia membuahkan hasil.

Peperangan selama lebih 20 tahun berpihak kepada Vietnam. Ternyata, kekurangan sumber artileri yang canggih tidak menajutahkan semangat rakyat untuk berjuang mempertahankan negara.

Lawatan bersama Chu berakhir di muzium itu. Masih banyak persoalan yang timbul hasil lawatan ke sekitar pusat bandar Ho Chi Minh.

Itu menjadikan saya lebih berminat untuk mendalami sejarah Vietnam dan bagi saya, ini adalah satu bentuk keindahan apabila merantau ke negara orang. Seperti kata pepatah, jauh perjalanan, luas pandangan.

KEBANYAKAN
bangunan di sekeliling
Ho Chi Minh umpama
bangunan di Eropah.





- Adakah anda seorang pelancong atau penggemar aktiviti lasak dan berminat berkongsi pengalaman? Jika ya, hantarkan artikel untuk disiarkan dalam kolum *Percutianku/X-plorasi*.
 - Sila sertakan 10 keping gambar pelbagai sudut berbeza dan panjang artikel kira-kira 900 perkataan.
 - Sertakan butir-butir peribadi seperti nama, nombor telefon, pekerjaan, umur, tempat tinggal dan negara yang pernah serta ingin dilawati.
 - Hantarkan ke horizonkosmo@gmail.com.
- PENGARANG

dahan
a
n, jauh
n.



GEREJA Notre Dame merupakan salah satu bangunan bersejarah yang terdapat di Vietnam.